

## SIARAN AKHBAR

S.A. 2024/05/21\_12 (HQ)

### TNB MEMACU PERTUMBUHAN STRATEGIK DAN KOMITMEN SIFAR BERSIH UNTUK TAHUN 2023 DAN SETERUSNYA

- Komitmen terhadap aspirasi Malaysia menerajui peralihan tenaga serantau dan mencapai pelepasan sifar bersih menjelang 2050.
- Peningkatan kestabilan kewangan dan kecemerlangan operasi, daya tahan dan kecekapan.
- Peluasan pengalaman pelanggan mengukuhkan komitmen perkhidmatan berkualiti.

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** mengukuhkan komitmen menyokong sasaran pelepasan sifar bersih Malaysia menjelang 2050, melalui peralihan bertanggungjawab kepada ekonomi hijau bernilai tinggi. Peralihan ini menjanjikan peluang pertumbuhan yang ketara dan memastikan penciptaan nilai yang lestari untuk semua pihak berkepentingan.

Pada 2023, TNB merekodkan pencapaian kewangan yang signifikan dengan pertumbuhan hasil tahun ke tahun sebanyak 4.3%, mencecah RM53.07 bilion. Ini didorong oleh peningkatan 3.8% dalam permintaan elektrik di Semenanjung Malaysia dan Sabah. "Kami berupaya memenuhi keperluan tenaga yang semakin meningkat dengan berkesan, di samping pembayaran dividen RM2.66 bilion dengan 66.6% diagihkan kepada Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC), sekali gus mencerminkan komitmen kami terhadap nilai pemegang saham," kata Pengerusi TNB, Dato' Abdul Razak Abdul Majid pada Mesyuarat Agung Tahunan TNB ke-34 di Ibu Pejabat TNB, Bangsar hari ini.

Beliau menyatakan bahawa pertumbuhan permintaan elektrik Malaysia, sebagai antara petunjuk prestasi ekonomi negara, menunjukkan peningkatan sebanyak 3.8% tahun ke tahun (YoY) di Semenanjung Malaysia dan Sabah, berbanding dengan 6.1% tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini, disokong oleh permintaan kukuh dalam segmen domestik dan komersial, masing-masing sebanyak 5.5% dan 9.9% - menggambarkan permintaan domestik Malaysia yang kukuh.

"Inisiatif strategik kami menunjukkan komitmen tidak berbelah bahagi untuk menjadi penyedia utama solusi tenaga mampan, sekali gus menyokong pertumbuhan ekonomi Malaysia sejajar dengan Rangka Kerja Ekonomi MADANI, yang bertujuan menyusun semula ekonomi dan meningkatkan kualiti hidup semua rakyat Malaysia," katanya.

Abdul Razak menambah, "Kami berada di barisan hadapan untuk mengembangkan objektif ini melalui projek utama yang digariskan dalam Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional (NETR). Inisiatif ini beransur-ansur meningkatkan tenaga boleh baharu (TBB), mengukuhkan kepimpinan kami dalam solusi tenaga lestari."

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan berkata, TNB sedang bersiap untuk Tempoh Kawal Selia 4 (RP4) 2025-2027 dengan belanja modal (CAPEX) yang ketara bagi menyokong peralihan tenaga Malaysia dan unjuran pertumbuhan permintaan elektrik. "Kami bersedia untuk melaksanakan program menarik dalam NETR, memastikan Malaysia mencapai matlamat peralihan tenaganya. Dengan TNB mengetuai tanggungjawab itu, kami yakin dapat memupuk masa depan yang mampan, berdaya tahan dan sejahtera untuk semua."

TNB memimpin tiga inisiatif utama teknologi bersih dan TBB berskala besar dalam NETR: Taman Solar Berskala Besar (LSSP), Solar Terapung Hidro Hibrid (HHFS) dan projek pembakaran bersama hidrogen dan amonia. Inisiatif-inisiatif ini bertujuan untuk menjana lebih 3,000MW kapasiti TBB menjelang 2040, dengan anggaran 2,500MW daripada teknologi HHFS dan tambahan 500MW daripada lima LSSP. TNB merancang untuk memasang HHFS sehingga kapasiti 230MW di loji hidro Temenggor dan Chenderoh menjelang 2025, dan syarikat sedang meneroka projek solar di atas tanah dengan kapasiti 100MW di Perak.

"Kami komited untuk memacu pertumbuhan dan mencapai sasaran sifar bersih, berpandukan Pelan Peralihan Tenaga. Dengan memberi tumpuan kepada tonggak tumpuan strategik kami - Sumber Tenaga, Vektor Tenaga dan Penggunaan Tenaga, kami menasaskan untuk menyampaikan penjanaan tenaga bersih, membangunkan rangkaian peralihan tenaga serta mempromosikan solusi tenaga dinamik."

"Pada 2023, sistem minit penghantaran kami dikekalkan pada 0.48 dan loji janakuasa merekodkan faktor ketersediaan kukuh 83.3% sepanjang 2023, mempamerkan daya tahan dan kecekapan kami. Indeks Kepuasan Pelanggan (CSI) mencapai rekod tertinggi 88%, dilengkapi dengan Skor Indeks Pengalaman Pelanggan (CEI) lebih 90% merentasi semua platform, sekali gus mencerminkan dedikasi kami untuk menyediakan perkhidmatan dan pengalaman pelanggan yang luar biasa," kata Megat Jalaluddin.

Selaras dengan prinsip Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG), TNB telah memperkukuh struktur tadbir urusnya sejajar komitmen terhadap kelestarian dan amalan korporat yang bertanggungjawab. "Memperteguh tadbir urus dalam konteks ESG adalah bukti dedikasi kami terhadap amalan mampan," kata Megat Jalaluddin. "Dalam beberapa bulan akan datang, kami akan terus memaksimumkan kecekapan dan keberkesanan operasi, serta komitmen kami terhadap kelestarian. Oleh itu, kami yakin bahawa kami dapat mencapai objektif untuk tahun 2024."

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 21 Mei 2024, jam 2:45 petang**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /*

*Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606 / Atikah Aqilah 011-10772731*

*atau emel kami: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*



Pengerusi TNB, Dato' Abdul Razak Abdul Majid (tengah) bersama Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan (kanan) dan Ketua Pegawai Kewangan TNB, Nazmi Othman (kiri) melihat Buku Laporan Tahunan Bersepadu TNB di Mesyuarat Agung Tahunan TNB ke-34, di Pusat Konvensyen Leo Moggie, TNB Platinum, Bangsar, Kuala Lumpur hari ini (21 Mei 2024).



Pengerusi TNB, Dato' Abdul Razak Abdul Majid (tengah) bersama Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Megat Jalaluddin Megat Hassan (kiri) dan Setiausaha Syarikat TNB, Ali Munawar Salim (kanan) di Mesyuarat Agung Tahunan TNB ke-34, di Pusat Konvensyen Leo Moggie, TNB Platinum, Bangsar, Kuala Lumpur hari ini (21 Mei 2024).